KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 30 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



30/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KPWKM AMBIL LANGKAH INTERVENSI, SEKIRANYA MASALAH KEMURUNGAN MENINGKAT - NANCY** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-ambil-langkah-intervensi-sekiranya-masalah-kemurungan-meningkat-nancy-443721 | ASTROAWANI.COM |
| | https://suarasarawak.my/nancy-sekiranya-masalah-kemurungan-meningkat-langkah-intervensi-akan-diambil-segera/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/nancy-gives-assurance-on-assistance-for-needy/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KANAK-KANAK AKTIF PENGGUNAAN GAJET TERDEDAH KEPADA ANCAMAN GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1170767/kanak-kanak-aktif-penggunaan-gajet-terdedah-kepada-ancaman-gangguan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-yang-aktif-menggunakan-gajet-terdedah-kepada-gangguan-seksual/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **GETTING ALL ON BOARD TO TACKLE CHILD ABUSE** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/29/getting-all-on-board-to-tackle-child-abuse | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/the-star-says/2023/10/29/call-for-help-stop-child-abuse | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **SELANGOR HAS THE MOST DOMESTIC ABUSE CASES** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/29/selangor-has-the-most-domestic-abuse-cases | THESTAR.COM.MY |

30/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **1,213 REPORTS OF SEXUAL HARASSMENT RECEIVED SINCE MAY** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/972684/1213-reports-sexual-harassment-received-may | NST.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/632021/edisi/utara/1213-individu-lapor-alami-gangguan-seksual | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239525 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/684636 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/29/1213-individu-lapor-alami-gangguan-seksual | UTUSANBRORNEO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=RNxhjlZql4M | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/1213-individu-lapor-alami-gangguan-seksual-443798 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/29/nearly-30-of-1213-sexual-harassment-reports-since-may-have-been-from-men-says-deputy-minister | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/10/29/nearly-30-of-reports-of-sexual-harassment-came-from-men/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/469270 | THEMALAYSIAINSIGHT.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/29/deputy-women-minister-1213-reports-of-sexual-harassment-received-since-may/99043 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2239537 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1170687/351-lelaki-mengadu-alami-gangguan-seksual | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/seramai-351-lelaki-lapor-alami-gangguan-seksual/ | BULETINTV3.MY |

30/10/2023

| | | |
|---|---|---|
| | https://www.malaysiakini.com/news/684641 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/1213-reports-of-sexual-harassment-received-since-may-IO11684048 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=u0BHDDldzOg | YOUTUBE |
| | https://www.wilayahku.com.my/1213-individu-lapor-alami-gangguan-seksual/ | WILAYAHKU.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **LPPKN PAHANG MALAYSIA KUNJUNGI BKKBN DIY** | |
| | https://www.krjogja.com/peristiwa/1243168777/lppkn-pahang-malaysia-kunjungi-bkkbn-diy | KRJOGJA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **HAJIJI TELLS CIVIL SERVANTS TO ENGAGE IN SPORTS AND MAINTAIN HEALTH** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/222543/hajiji-tells-civil-servants-to-engage-in-sports-and-maintain-health-/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/222574/yayasan-sabah-group-triumphs-in-integrity-in-the-heart-video-competition/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PPS DIBUKA TEMPATKAN MANGSA RIBUT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024991/pps-dibuka-tempatkan-mangsa-ribut | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/pps-dibuka-di-gurun-untuk-menempatkan-mangsa-ribut/ | BULETINTV3.MY |

30/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **SEMAK SENARAI TASKA BERDAFTAR JKM SELURUH NEGARA** | |
| | https://studentportal.my/senarai-taska-berdaftar-jkm/ | STUDENTPORTAL.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **11 RUMAH ROSAK TERUK DIBADAI PUTING BELIUNG DI ARAU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11-rumah-rosak-teruk-dibadai-puting-beliung-di-arau-443828 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/10/1170818/bumbung-rumah-diterbangkan-ribut | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024998/11-rumah-rosak-akibat-ribut-di-perlis | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **WANITA HILANG TIGA HARI DITEMUI MATI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/632060/berita/semasa/wanita-hilang-tiga-hari-ditemui-mati | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/29/mayat-wanita-terapung-disahkan-norasma-diana/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SENI PERTAHAN DIRI TINGKAT KESEDARAN KESELAMATAN WANITA** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/10/28/seni-pertahan-diri-tingkat-kesedaran-keselamatan-wanita/ | HARAKAHDAILY.NET |

30/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WARGA EMAS MAUT KERETA DIHEMPAP POKOK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/632054/berita/semasa/warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok-tumbang/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/29/warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok-tumbang/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024987/warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok-tumbang | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/29/lelaki-warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/29/warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239619 | BERNAMA.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-dihempap-pokok/ | BULETINTV3.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/10/lelaki-warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/ribut-warga-emas-maut-kereta-dihempap-pokok | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BAYI ANTARA EMPAT MANGSA KEMALANGAN TERSELAMAT** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/29/bayi-antara-empat-mangsa-kemalangan-terselamat | UTUSANBRORNEO.COM.MY |

30/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **700 WARGA EMAS, OKU PARLIMEN GOMBAK TERIMA BAUCAR BELI-BELAH** | |
| | https://selangorkini.my/2023/10/700-warga-emas-oku-parlimen-gombak-terima-baucar-beli-belah/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **BOMBA JUMPA PETUNJUK BARU LELAKI WARGA EMAS HILANG DI HUTAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bomba-jumpa-petunjuk-baru-lelaki-warga-emas-hilang-di-hutan/ | UTUSAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'HIDUPKU BERUBAH DI BUMI KANGGARU' | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Hidupku berubah di bumi kanggaru'

***Wanita tinggal kerjaya bergaji lumayan di tanah air tak menyesal jadi tukang cuci selepas hijrah ke Australia***

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Siapa sangka selepas 23 tahun wanita anggun yang bekerja di dalam pejabat berhawa dingin dengan berpakaian kemas sesuai kerjaya di sebuah bank di Lembah Klang, akhirnya mengubah landskap hidupnya di bumi kanggaru.

Dia kini tanpa malu bertukar kerjaya sebagai tukang cuci sejak tiga bulan lalu.

Farasafina Md Daud, 45, bagaimanapun tidak kekok menukar penampilan dan persekitaran kerja meskipun sebelum ini dia berada dalam zon selesa dengan gaji jauh lebih lumayan tanpa lelah mengerah kudrat.

Berkongsi kisahnya, ibu tiga anak itu berkata, dia dan keluarganya berpindah ke Perth, Australia kerana mengikut suami, Ahmad Yassir Hamdan, 48, melanjutkan pelajaran ijazah sarjana di The University of Western Australia (UWA).

Katanya, kos sara hidup di Australia sangat tinggi, malah mereka perlu membayar sewa rumah 415 Dolar Australia (RM1,251.91) setiap minggu selain mengakui tidak mahu wang simpanan mereka terus menyusut.

"Saya bekerja sebagai tukang cuci di sebuah hospital kanak-kanak di bawah agensi selain menawarkan perkhidmatan dari rumah ke rumah secara persendirian. Saya dibantu suami untuk menampung kehidupan sepanjang dua tahun di sini.

"Kesukaran mendapat pekerjaan mengikut pengalaman dan kelayakan menyebabkan saya memilih kerja sebagai tukang cuci kerana mereka lebih mementingkan pengalaman tempatan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, dia mematuhi peraturan Australia iaitu mendaftarkan perniagaan dengan Nombor Perniagaan Australia (ABN) dan mendapatkan pelepasan polis selain menyediakan kad bekerja dengan pemeriksaan kanak-kanak (WWCC) kerana berkerja di hospital kanak-kanak.

"Kerja saya sama seperti pembantu rumah cuma tidak perlu memasak. Saya mencuci dan mengemas dapur atau mengikut permintaan pelanggan dalam masa minimum dua jam dan pembersihan terperinci mengambil masa 10 jam.

"Pelanggan terdiri dalam kalangan orang Arab, Singapura dan penduduk tempatan. Pada mulanya harga perkhidmatan kami $25 Dolar Australia (RM75.42) sejam, tetapi sekarang $30 (RM90.50) dan kalau jarak jauh kami ambil lebih sikit. Dalam seminggu biasanya kami dapat tiga rumah," katanya.

Katanya, selepas berkongsi pengalaman bekerja sebagai tukang cuci di TikTok, dia menerima banyak komen positif dan negatif daripada netizen termasuk ada yang mengecamnya sanggup meninggalkan negara untuk bekerja di luar.

Bagaimanapun menurutnya, dia tidak pernah malu mengaku bekerja sebagai tukang cuci, malah gaji pekerjaan itu mahal dan berbaloi bagi meneruskan kehidupan di sana dan paling penting ia halal.

"Saya gembira melakukan kerja ini biarpun pada pandangan mata orang mungkin saya *downgrade* (turunkan taraf) hidup daripada bekerja di pejabat kepada tukang cuci tetapi saya tidak kisah, malah penduduk di sini juga tidak pernah memandang rendah.

"Selain itu, dalam masa sama saya mahu orang kita lihat realiti sebenar tinggal di sini yang sebenarnya sukar dapat kerja tanpa pengalaman tempatan (untuk orang yang baru berhijrah)," katanya mengakui banyak mendapat komen positif dan sokongan.

Farasafina berkata, selepas video mendapat perhatian, dia banyak menerima mesej daripada orang ramai yang mahu bekerja dengannya namun buat masa ini dia tidak menerima pekerja lain kerana melakukannya bersama suami.

"Saya harap tidak lama lagi usaha ini berkembang dan saya boleh ambil pekerja dalam kalangan pelajar Malaysia yang menuntut di Australia untuk membantu mereka cari duit poket kerana saya dapat banyak kerja di sini," katanya.

**"Saya gembira melakukan kerja ini biarpun pada pandangan mata orang mungkin saya downgrade (turunkan taraf) hidup daripada bekerja di pejabat kepada tukang cuci tetapi saya tidak kisah, malah penduduk di sini juga tidak pernah memandang rendah."**



FARASAFINA dan keluarganya berpindah ke Perth kerana mengikut suami yang melanjutkan pelajaran di UWA.



FARASAFINA menawarkan perkhidmatan mencuci di pejabat dan juga dari rumah ke rumah dengan dibantu suaminya untuk menampung kehidupan mereka.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 11 TAHUN JADI MANGSA BAPA! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 11 tahun jadi mangsa bapa!

## *Pelajar dinoda hingga hamil tujuh bulan*

**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my

**Muar**

Perubahan fizikal badan seorang pelajar membongkar rahsia kerakusan bapa kandung durjana yang tergamak merogol anaknya sejak berusia enam tahun hingga hamil tujuh bulan.

Difahamkan, kejadian itu terbongkar selepas salah seorang ahli keluarganya perasan perubahan fizikal mangsa berusia 17 tahun sebelum mengakui dia dirogol.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, kejadian berlaku sejak mangsa berusia enam tahun dan ia berlarutan sehingga kini.

Beliau berkata, kejadian berlaku di sebuah kawasan dalam daerah ini dan mangsa kemudian membuat laporan dia dirogol.



> **"Ujian saringan air kencing mendapati mangsa sudah hamil**
> Raiz Mukhliz

"Bagaimanapun, ujian saringan air kencing mendapati mangsa sudah hamil. Siasatan polis mendapati mangsa dirogol sejak usia enam tahun," katanya ketika dihubungi.

Susulan itu, Raiz Mukhliz berkata, suspek yang juga bapa kandung mangsa berusia 41 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, laporan diperoleh mengatakan kejadian berlaku di rumah mangsa dan ujian air kencing mendapati suspek positif methamphetamin.

Sementara itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini semalam untuk mendapatkan perintah reman.

Majistret Fatin Dalilah Khalid kemudian membenarkan suspek direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ADA ORANG MELIHAT! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




TERTUDUH bersama peguam selepas Mahkamah Sesyen Muar mengarahkannya membela diri atas tuduhan mencabul anak tiri. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

# Ada orang melihat!

## *Mahkamah arah petani bela diri atas tuduhan cabul anak tiri*

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Dalam kes kamu, ada prima facie. Jadi mahkamah putuskan kamu perlu membela diri," kata Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat, selepas mengarahkan seorang petani berusia 55 tahun membela diri atas pertuduhan mencabul anak tirinya, empat tahun lalu.

Dalam prosiding semalam, mahkamah juga menolak hujahan pihak pembelaan yang mengatakan tarikh dikemukakan saksi pendakwaan tidak sama dengan kejadian sebenar berlaku.

Abu Bakar berkata, ini kerana dalam kes ini terdapat saksi mata yang melihat kejadian itu berlaku iaitu kakak mangsa.

"Tarikh kejadian adalah tidak material dan mahkamah tidak mengambil kira (tarikh kejadian) tapi dalam kes ini pihak pendakwaan sudah berjaya membuktikan memang wujud prima facie.

"Justeru, mahkamah memutuskan supaya kamu perlu memberi keterangan membela diri," katanya.

Sejurus selepas keputusan itu, peguam tertuduh, Mohd Razak Sharif bangun dan memberitahu mahkamah anak guamnya akan memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

Pada April tahun lalu, tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Muar atas pertuduhan mencabul kehormatan anak tirinya yang ketika itu berusia 11 tahun dua bulan, pada 2019.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Tertuduh bagaimanapun, mengaku tidak bersalah pada hari pertuduhan dibacakan.

Sepanjang tempoh perbicaraan itu, pihak pendakwaan yang diketuai Danial Munir memanggil enam termasuk kakak mangsa.

***Susulan keputusan itu, mahkamah menetapkan 8 Januari depan untuk tertuduh memberi keterangan membela diri.***

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ADVOKASI ANTI-GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Advokasi Anti-gangguan seksual




**SEBAHAGIAN** pelajar sekolah yang hadir pada Program Jerayawara KPWKM@Advokasi Anti-gangguan Seksual Negeri Perlis. Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Aiman Athirah Sabu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS WARTAWAN NST HIDAP KANSER TULANG TERIMA SUMBANGAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bekas wartawan NST hidap kanser tulang terima sumbangan

**Kota Kinabalu:** Bekas Ketua Bahagian Editorial New Straits Times (NST) Sabah dan Sarawak Joseph Bingkasan menerima sumbangan Tabung Kasih@HAWANA bagi membantu meringankan bebannya yang kini bertarung dengan kanser tulang.

Wartawan veteran berusia 68 tahun itu menerima sumbangan berkenaan yang disampaikan Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil ketika lawatan di kediamannya di Kampung Kionsom, Inanam, dekat sini, kelmarin.

Joseph disahkan menghidap kanser tulang sejak 2014 selain turut berdepan masalah kegagalan buah pinggang dan darah tinggi.



FAHMI (tengah) menyampaikan sumbangan kepada Joseph Bingkasan (dua dari kanan) ketika menziarahi dan menyampaikan sumbangan Tabung Kasih@HAWANA di Kampung Kionsom Inanam. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital Datuk Mohamad Fauzi Md Isa (dua dari kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Bernama Jamaluddin Muhammad (kiri) dan isteri kepada Joseph, Mary Sodikip (kanan).

Beliau berpengalaman luas dalam dunia kewartawanan bermula sebagai penyunting di akhbar Kinabalu Sabah Times pada 1977 sebelum menyertai New Straits Times Press (NSTP) sebagai koresponden di Sabah.

Beliau juga pernah bertugas di Times of Malaysia London Ltd iaitu Pejabat NST di London sebelum dilantik sebagai Ketua Bahagian Editorial NST Sabah dan Sarawak yang berpusat di Kuching selain turut pernah bertugas di akhbar tempatan Sabah, Daily Express.

Sementara itu, Fahmi yang dalam rangka lawatan kerja ke Sabah bermula Jumaat lalu hingga hari ini berkata, Tabung Kasih@HAWANA yang diwujudkan sempena Hari Wartawan Nasional (Hawana) 2023 bertujuan menyantuni pengamal media, bekas petugas media dan wartawan veteran yang memerlukan bantuan.

"Ia adalah inisiatif Kementerian Komunikasi dan Digital dan dilaksanakan menerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) sejak 14 April lalu sebagai usaha berterusan membantu komuniti media yang berdepan dengan kesukaran dan cabaran hidup.

"Setakat ini, seramai 24 pengamal media mendapat manfaat daripada tabung berkenaann," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SARAPAN TERISTIMEWA! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

# Sarapan teristimewa!

***Wanita ambil inisiatif berniaga kuih-muih, nasi lemak di puncak Jelutong***

**Kuala Berang**

Nasi lemak, keropok lekor, laksa, air kelapa dan kuih antara juadah yang boleh dibeli kaki 'hiking' di puncak Bukit Jelutong, Kampung Kepah dekat sini, sambil menikmati panorama di atas bukit berkenaan.

Che Wan Nurul Huda Che Wan Yusof, 28, berkata, dia mengambil inisiatif berniaga di puncak bukit berkenaan selepas melihat kehadiran ramai individu mendaki hingga ke puncak bukit itu.

Menurutnya, satu hektar kawasan bukit berkenaan termasuk puncak Bukit Jelutong, adalah milik bapanya yang diusahakan dengan tanaman getah.

Katanya, puncak bukit itu menjadi tarikan kaki *hiking* selepas bapanya memuat naik video di aplikasi TikTok yang memaparkan suasana awam berada di sekeliling puncak bukit itu.

"Selepas tular video berkenaan, orang ramai mula membanjiri puncak bukit ini dan memandang ia menjadi tempat 'healing' saya mengambil keputusan untuk berniaga.

"Bukan berniaga di bawah bukit sebaliknya di puncak bukit yang sememangnya boleh dikatakan 'kerja gila' kerana pelbagai kesukaran perlu ditempuh untuk sampai ke puncak bukit ini.

**"Sambil menikmati pemandangan saya bersama rakan boleh makan dan minum setidaknya hilang juga penat"**

"Alhamdulillah, orang ramai yang penat mendaki boleh membeli juadah yang saya jual sambil menikmati pemandangan yang indah dari puncak bukit ini," katanya.

Menurutnya, sambutan yang diterima begitu menggalakkan kerana individu yang penat mendaki akan berehat di puncak bukit sambil menikmati juadah yang dibeli dan kemudahan seperti ini mungkin tiada di kawasan hiking lain di negeri ini.

Nurul Huda berkata, dia akan meneruskan jualan di atas bukit itu selagi bukit berkenaan masih menjadi tumpuan pengunjung dan dia melihat dengan kemudahan yang ada mampu menarik lebih ramai pendaki untuk menawan bukit berkenaan.

Seorang pengunjung, Nurdini Anis Najihah Rosnee, 21, pelajar universiti awam di Kuala Nerus berkata, dia tertarik melihat video di TikTok sebelum mengambil keputusan untuk mendaki bukit berkenaan buat pertama kali.

"Ingatkan panorama saja yang menarik, namun lebih menarik ada peniaga di atas bukit ini dan memudahkan pendaki untuk membeli juadah untuk dinikmati ketika sedang berehat di puncak bukit ini.

"Sambil menikmati pemandangan saya bersama rakan boleh makan dan minum setidaknya hilang juga penat serta dahaga kerana beberapa laluan ke puncak bukit ini amat mencabar," katanya.

Menurutnya, inisiatif yang diambil pemilik tanah berkenaan adalah tepat kerana menyediakan kemudahan dalam bentuk gerai menjual makanan selain mempunyai wakaf dan kerusi untuk berehat.

Rakannya, Nurdania Arrisya Ahmad Faizal, 21, berkata, kali pertama menjejakkan kaki ke bukit berkenaan dia teruja melihat pemandangan dari atas bukit itu namun lebih menarik perhatian apabila melihat ada gerai menjual pelbagai juadah dan minuman.

"Satu kelainan yang ada di atas Bukit Jelutong, ini kerana kebiasaan mana-mana kawasan hiking peniaga menjual makanan di bahagian bawah bukit namun di sini sebaliknya pula.

"Amat memudahkan orang ramai apabila ada jualan seperti ini kerana buka semua yang mendaki membawa makanan dan minuman secukupnya," katanya.



ORANG ramai yang tiba di puncak Bukit Jelutong mengambil peluang untuk membeli juadah di gerai yang diusahakan Che Wan Nurul Huda.



ORANG ramai berehat melihat panorama dari atas Bukit Jelutong sambil menjamah juadah yang dibeli di gerai Che Wan Nurul Huda. - GAMBAR NSTP/NAZDY HARUN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ONLINE ADDICTION HITS KIDS HARD | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Online addiction hits kids hard

Heal
By Meera Murugesan

THE impact of social media on the mental health of young adults has garnered significant attention.

According to the National Health and Morbidity Survey 2022 — Adolescent Health Survey, one in four adolescents in Malaysia is depressed and one in eight has suicidal thoughts.

As young adults increasingly engage with social media, concerns about its impact on their mental health have grown, with studies showing that it can lead to cyberbullying, anxiety and depression.

In fact, the survey reveals that one in five adolescents admits to being perpetrators of cyberbullying.

Online and gaming addictions are another concern for parents of adolescents.

Sunway Medical Centre child and adolescent psychiatrist Dr Tee Bee Chin says online and gaming addictions are pervasive, often emerging as a secondary issue rooted in underlying primary challenges such as learning difficulties, social conflicts with peers and familial disputes.

This addiction can manifest through signs such as withdrawal from real-life activities, increased tolerance for screen time and a preoccupation with online activities.

"Online and gaming addictions can have severe consequences. Prolonged use can lead to anxiety, depression and other mental health issues. It disrupts a child's life physically and mentally," says Dr Tee.



*Sunway Medical Centre child and adolescent psychiatrist Dr Tee Bee Chin says online and gaming addictions can have dire consequences.*

**SOCIAL MEDIA AND ADOLESCENTS**

Research indicated a significant link between increased social media use and symptoms of depressed mood, social anxiety and physical symptoms of anxiety over time among adolescents, with stronger effects in girls.

Dr Tee says there is also a connection between violent online games and aggressive behaviour in children.

Games that involve seeking out enemies or completing aggressive quests can cause quick, violent reactions, she adds.

A recent study reveals that adolescents exposed to increased game violence exhibit higher hostility levels, frequent arguments with teachers, increased involvement in physical fights and poorer school performance.

Early recognition of addiction is crucial to ensuring timely intervention.

Dr Tee says parents must seek treatment and advice from healthcare professionals who understand online and gaming addiction.

Support groups can also provide a lifeline for adolescents facing such challenges.

Dr Tee says that while it's fine for adolescents to use the Internet, it's essential for adults to provide guidance.

Encourage the use of the Internet for constructive purposes, she says, adding that it should be a place where one can share helpful ideas, indulge in arts and crafts, pursue hobbies and develop skills.

meera@nst.com.my



*As young adults increasingly engage with social media, concerns about its impact on mental health have grown.*

## ONLINE DANGERS

**CYBERBULLYING**
Social media platforms can become breeding grounds for cyberbullying, leading to anxiety, depression and low self-esteem.

**FEAR OF MISSING OUT (FOMO)**
Continuous exposure to the seemingly exciting activities of others induces FOMO, causing isolation and anxiety.

**ADDICTION AND COMPULSIVE BEHAVIOUR**
The addictive nature of social media can lead to compulsive use and a constant need for validation, resulting in anxiety and depression when attention is not received.

**LACK OF FACE-TO-FACE INTERACTIONS**
Overreliance on social media for communication may decrease real-life social interactions, leading to loneliness and social isolation.

**INFORMATION OVERLOAD**
Continuous exposure to distressing news, graphic content or triggering posts on social media can increase stress levels and negatively affect mental wellbeing.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY AMONG FOUR INVOLVED IN TWO-CAR ACCIDENT IN BINTANGOR | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Baby among four involved in two-car accident in Bintangor

**SARIKEI:** Four individuals including a baby were involved in an accident involving two cars at Jalan Kelupu, Bintangor yesterday morning.

The Fire and Rescue Department (Bomba) in a statement said they were notified about the incident at 7.53am and rushed a team from the Bintangor fire station to the scene.

"Three victims, comprising a 31-year-old man, 10-month-old baby and a woman were still in the car.

"Another victim, an 18-year-old boy from the other car, managed to exit his vehicle before the arrival of the firefighters," it said.

Bomba said the firefighters proceeded to extricate all the victims who were pinned to their seat before handing them over to the paramedics for further action.

It added the team also cleaned accident debris and oil spill on the road before wrapping up the operation at 9.20am.




Bomba photo shows firefighters preparing to extricate the victims from their car.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KAA'S TALK HIGHLIGHTS MUM'S EXPERIENCES IN DEALING WITH AUTISTIC KIDS | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 30 OKT 2023 | M/SURAT : | 08 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |



Fatimah, flanked by Dayang Morliah (third left) and Dr Chen, in a group photo with (from left) Liew, Dr Ng, Jee, Tan and Irene. — Photo via Facebook /Yb Fatimah Abdullah

# KAA's talk highlights mums' experiences in dealing with autistic kids

**KUCHING:** The Kuching Autistic Association's (KAA) 'Bicara Autisme 2.0' programme on Saturday highlighted the experiences of women caring for children with autism.

The talk represented the association's highlight of its collaboration with the Welfare Department (JKM) of Sarawak.

Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah officiated at the event, held at a local hotel.

KAA in a press release shared during the programme said the participants had the opportunity to listen to information and experiences shared by three panellists: Sarawak General Hospital (SGH) psychiatrist Dr Ng Boon Seng, Tan Wei Na, and Irene Singke – all mothers to autistic children.

"In the first segment, Tan and Irene shared their experiences on the early detection of their children's development.

"The second segment presented information about the levels of autism detected by professionals during the diagnostic procedure, as well as the procedure itself," said KAA.

It added that every positive development was necessary, as each new piece of information could improve the situation.

In the released statement, KAA took the opportunity to thank JKM Sarawak for the approval of the grant given to the association.

Among those present were KAA patron Dato Dayang Morliah Awang Daud, its president Dr Catherine Chen and deputy president Cynthia Jee, as well as Bicara Autisme 2.0 programme director Dino Liew.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEACH CHILDREN ABOUT LOVE AND COMPASSION | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Teach children about love and compassion

I WRITE as a concerned Malaysian who believes in the importance of shaping our future generation with values of love and respect rather than hatred.

The Education Ministry's decision to organise the Palestine Solidarity Week in all education institutions across the nation was aimed at teaching our students about empathy and compassion towards those who are suffering regardless of their backgrounds.

However, what we witnessed in some videos was quite the opposite. It seemed as if our young minds were being instructed to hate a particular country, exemplified by the disheartening act of stomping on its flag. Even Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has admitted that some of the activities have gone overboard.

Hate, animosity and resentment are not innate emotions in children. They must be taught and, regrettably, that's what has occurred in some schools.

When teachers and educators target children for hatred, they teach more than just judgment and contempt for the other party. These negative emotions can extend into adulthood, leading the child to become a person who knows how to hate in general.

The development of children into adults is shaped by both their inherent nature and the lessons taught by their parents and teachers.

Teaching a child to hate can lead to various consequences, including a negative or judgemental personality, aggressive or defiant behaviour, and difficulty trusting others.

Once the seeds of hate are planted, they can give rise to a significantly damaged person, and reversing the effects will be an incredibly challenging and time-consuming process.

Let us as a society commit to nurturing love, respect and empathy in our children instead of hatred. It is essential that we provide them with the foundation to become positive and compassionate individuals who can contribute to a more understanding and harmonious world.

**DR POLA SINGH**
**Kuala Lumpur**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UNRAVELLING CONFUSION OVER DYSLEXIA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Unravelling confusion over dyslexia

Disability requires understanding, support so sufferers are not misunderstood as 'stupid' or slow learners: Group

BY **QALIF ZUHAIR**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** About 13,300 government school students with special needs have dyslexia, according to the Education Ministry Special Education Data.

The Health Ministry also said between 4% and 8% of school students, or between 200,000 and 400,000, are dyslexic and face difficulties in reading, writing, spelling and comprehension.

In conjunction with the Dyslexia Awareness Month, which falls in October, the Dyslexia Association of Malaysia said awareness of dyslexia is low in the country compared with autism and attention-deficit hyperactivity disorder (ADHD).

Its senior coordinator Mohd Fairoz Aflin Roslan said: "We want to raise awareness on the disability so people will understand that dyslexics are not stupid or slow learners. They just have a problem with their eyes.

"This disability requires a lot of understanding and support so sufferers are not misunderstood."

Mohd Fairoz said dyslexia is a lifelong condition that makes it difficult for individuals to read, write and spell proficiently.

"Contrary to popular misconception, it is not easily detected in early childhood. Confusion between letters "b" and "d" and "p" and "q" is not necessarily indicative of dyslexia.

"Only if it persists beyond eight or nine years of age do children risk having dyslexia."

He added that since dyslexia is incurable, children with the condition would face unique challenges when they are adults.

"While intervention during childhood can improve reading, counting, and spelling abilities, dyslexics may continue facing challenges in other areas, like constructing coherent sentences.

"It is important to understand and accommodate their needs.

"Dyslexic survivors may struggle with tasks that others find straightforward," he said.

Mohd Fairoz added that dyslexic adults would display informal speech patterns and a unique thought process, especially when they are recounting stories.

"Their train of thought may appear disjointed, akin to assembling a puzzle.

"It is important to be patient and provide necessary support to help them express themselves effectively."

He said the level of difficulty and progress of dyslexic children will be monitored by the association.

"If a child makes good progress in six months, he will usually be on par with his non-dyslexic peers and can attend mainstream schools."

However, some dyslexic students progress very slowly and could take up to a year to grasp how to read correctly.

"At the association, regardless of age, the intervention depends on their level so it doesn't matter if other students of the same age are progressing faster."

Mohd Fairoz said the association tailors its support to each student's unique needs.

If comorbid conditions, such as ADHD, autism or global development delay, are detected, they are addressed in conjunction with the dyslexia intervention.

The association has its module based on what is issued by the Education Ministry.

"The ministry module consists of a framework, which we use as a guide, and then we mix with our multi-sensory approach."

The association's four branches in Ampang, Subang Jaya, Bangi and Taman Tun Dr Ismail, conduct classes for dyslexic children from the age of six to nine. It currently serves 280 dyslexic children and has 30 teachers across its four branches.

During the launch of Dyslexic Awareness Month on Oct 17, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri pledged to help dyslexic children, especially in rural areas, with various initiatives.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 1,213 INDIVIDU LAPOR ALAMI GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 1,213 individu lapor alami gangguan seksual

## Daripada jumlah itu, 351 orang atau 28.9 peratus merupakan golongan lelaki, kata Aiman Athirah

**KANGAR:** Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merekodkan seramai 1,213 orang melaporkan gangguan seksual dihadapi mereka sepanjang berlangsungnya 12 siri Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual yang dilancarkan pada Mei lepas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Aiman Athirah Sabu berkata daripada jumlah itu, 351 orang atau 28.9 peratus merupakan golongan lelaki.

"Kaum lelaki juga tidak boleh memandang enteng akan isu ini memandangkan kaum lelaki juga turut tidak terkecuali daripada gangguan seksual," katanya ketika berucap merasmikan program jerayawara peringkat negeri Perlis yang merupakan siri ke-13 di sini semalam.

Untuk rekod, Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual peringkat kebangsaan dilancarkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Putrajaya pada 29 Mei lepas yang antara lain untuk menjadikan masyarakat lebih cakna mengenai isu gangguan seksual sekali gus tidak menormalisasikannya dalam masyarakat.

> "Kita harus sedar akan hakikat bahawa gangguan seksual boleh terjadi di mana-mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak."
>
> **Datuk Aiman Athirah Sabu**
> *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Sementara itu, dalam sidang medianya, Aiman Athirah memberitahu yang laporan gangguan seksual direkodkan dalam inventori di bawah PSSS berkenaan antaranya termasuk gangguan seksual di tempat kerja dan di rumah.

"Jadi, daripada dapatan itu, yang membuka satu lagi ruang kepada kita untuk membuat kajian melihat kepada situasi sebenar yang mungkin berlaku di peringkat bawah dan mungkin memerlukan advokasi bukan sahaja tentang antigangguan seksual, tetapi tentang menyedarkan komuniti, tentang peranan tugas masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Aiman Athirah berkata berdasarkan statistik dilaporkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 477 kes gangguan seksual direkodkan pada tahun lepas berbanding 506 kes pada 2021 dan majoriti mangsa melibatkan kaum wanita.

"Namun, kita harus akui bahawa terdapat banyak kes gangguan seksual yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dan (mungkin) jumlah sebenar adalah lebih tinggi daripada yang dilaporkan," katanya.




**EKSPLOITASI:** Sebahagian pelajar sekolah yang hadir pada Program Jerayawara KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Perlis di Kangar semalam. Program tersebut dirasmikan oleh Aiman Athirah. — Gambar Bernama

Selain itu, beliau berkata berdasarkan laporan UNICEF Malaysia pada 2021, sekurang-kurangnya empat peratus daripada kanak-kanak berumur 12 hingga 17 tahun di negara ini yang menggunakan Internet mengalami ancaman eksploitasi dan penderaan seksual yang jelas dalam talian.

"Kita harus sedar akan hakikat bahawa gangguan seksual boleh terjadi di mana-mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI ANTARA EMPAT MANGSA KEMALANGAN TERSELAMAT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi antara empat mangsa kemalangan terselamat

**BINTANGOR:** Bayi perempuan berusia 10 bulan antara empat mangsa kemalangan yang terselamat daripada mengalami kecederaan serius di Jalan Kelupu di sini, semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai kejadian tersebut oleh orang awam pada jam 7.53 pagi.

"Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintangor kemudian bergegas ke lokasi kejadian dengan menggunakan jentera LFRT berserta tujuh anggota.

"Kemalangan melibatkan dua kenderaan iaitu Perodua Axia dan Perodua Myvi," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, terdapat tiga mangsa dalam keadaan sedar masih berada di dalam kenderaan Perodua Axia manakala pemandu kenderaan Perodua Myvi keluar sendiri sebelum ketibaan pihak bomba.



**TERSELAMAT: Anggota bomba berusaha mengeluarkan mangsa tersepit dalam kemalangan di Jalan Kelupu, Bintangor semalam.**

Menurutnya, mangsa-mangsa yang terlibat dua lelaki dan dua perempuan berusia antara 10 bulan hingga 31 tahun.

"Pasukan penyelamat kemudian bertindak menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkan kesemua mangsa yang tersepit dan seterusnya menyerahkan ketiga-tiga mangsa kepada pegawai perubatan (KKM) untuk tindakan selanjutnya.

"Anggota penyelamat menggunakan satu aliran salur bantu mula untuk melakukan kerja-kerja pembersihan sia-sia kemalangan dan tumpahan minyak," katanya.

Beliau menambah, setelah memastikan keadaan terkawal anggota BBP Bintangor bertolak balik ke balai dan operasi tamat jam 9.20 pagi.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INDIVIDU KEMURUNGAN TIDAK LAPOR KEADAAN DIRI SUKARKAN KPWKM DAPATKAN DATA TEPAT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Individu kemurungan tidak lapor keadaan diri sukarkan KPWKM dapatkan data tepat

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berhadapan kesukaran untuk mengenal pasti jumlah sebenar individu yang mengalami masalah kemurungan berikutan keengganan individu terbabit melaporkan masalahnya kepada pihak berkaitan.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, berikutan itu pihaknya sukar mendapatkan data yang tepat mengenai perkara tersebut.

"Ada orang dia mengalami kemurungan, tapi tidak pernah melapor atau pergi berjumpa psikiatri dan melaporkan keadaan (mereka), jadi amat sukar untuk pihak kami mendapatkan data yang tepat, ini yang kita hadapi sekarang ini. Sebagai contoh laporan gangguan seksual yang kita perolehi daripada pihak polis agak rendah terutama bagi lelaki tetapi apabila kita membuka Pusat Sosial Setempat melalui kaunselor sehingga sekarang kita menerima aduan daripada seramai 1,012 lelaki yang telah menjadi mangsa gangguan seksual," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai statistik terkini masalah kemurungan yang dialami wanita selepas merasmikan Program Amal Kebajikan Deepavali di Dewan Persatuan India Kuching (IAK) di Jalan Rock petang kelmarin.

Sehubungan itu, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menasihati individu yang mengalami masalah kemurungan agar melaporkan masalah mereka kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kemudian merujuk kepada kaunselor Pusat Sosial Setempat KPWKM.

Sementera itu, ditanya berhubung kes kematian dua bayi yang berlaku di Semenanjung baru-baru ini, beliau enggan mengulas perkara itu dan menyerahkan kepada PDRM untuk menjalankan siasatan.

Tambah beliau, pihaknya masih menunggu laporan lanjut daripada PDRM dan berharap tidak ada spekulasi sehingga pihak polis siap menjalankan siasatan.

"Bagi pihak kami, kena menunggu laporan polis dan sebelum itu tidak boleh mendedahkan apa-apa sehingga pihak polis telah mengeluarkan laporan mereka sama ada ia berkaitan tekanan mental, yang memang kita tidak tahu.

"Dalam hal ini kes yang meninggal dalam kereta itu pihak polis sedang menyiasat ia di bawah Akta Kanak-Kanak, sama ada ia boleh dikatakan pengabaian atau (keadaan kesihatan mental) keluarga bayi berkenaan.

"Kalau betul ia dikatakan tekanan mental, ia perlu dibuktikan. Ini perlukan siasatan lanjut mengenai apa yang berlaku dan tidak boleh menghukum seseorang itu tanpa mengetahui apa yang sebenarnya berlaku," katanya.

Sebelum ini, seorang bayi berusia lapan bulan dipercayai anak kepada seorang doktor meninggal dunia selepas mangsa tertinggal di dalam kereta lebih tujuh jam di parkir hospital pada 5 Oktober 2023.

Disusuli, seorang bayi perempuan setahun empat bulan meninggal dunia selepas ditemui tidak sedarkan diri dalam kereta di sebuah universiti awam di Kuala Nerus, Terengganu, 24 Oktober lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KJM KAMPUNG BAKO SEBERANG ANJUR KARNIVAL SUKAN RAKYAT, HARI KELUARGA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KJM Kampung Bako Seberang anjur Karnival Sukan Rakyat, Hari Keluarga

**KUCHING:** Kejiranan Mesra (KJM) Kampung Bako Seberang telah menganjurkan Karnival Sukan Rakyat dan Hari Keluarga serta penyerahan Bakul Rahmah pada 28 Oktober di Padang Bola Sepak Kampung Bako Hulu.

Menurut satu kenyataan pihaknya semalam, karnival tersebut dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Bako Tengah, Kampung Bako Hulu, Kampung Bako Hilir dan Pertubuhan Kebangsaan Belia Bersatu Sarawak (SABERKAS) Kampung Bako Hulu serta Kampung Bako Hilir.

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Datuk Dr Hazland Abang Hipni telah hadir untuk merasmikan majlis tersebut serta menyampaikan sumbangan Bakul Rahmah kepada golongan asnaf.

"Saya berharap aktiviti seperti sukan rakyat ini dapat diteruskan untuk mengekalkan keunikan budaya kita untuk tatapan generasi akan datang.

"Selain itu, penganjuran aktiviti seperti ini mampu mengeratkan lagi hubungan sesama penduduk kampung," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Sukan Rakyat dan Hari Keluarga serta penyerahan Bakul Rahmah itu semalam.



**TERIMALAH:** Dr Hazland (dua kanan) menyampaikan sumbangan dana tahunan kepada salah seorang wakil penerima.

Pada majlis tersebut, Dr Hazland menyerahkan sumbangan dana tahunan kepada beberapa persatuan, antaranya Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA) Kampung Tanjung Bako, RELA Kampung Sejingkat, Jawatankuasa Relawan dan Relawati Kampung Goebilt, Pengurusan Tanah Perkuburan Bako, Sukarewan RELA Platun SW-033-0345, Tabung Amanah RELA Kawasan Muara Tebas dan Tetuan JKKK Kampung Beradek.

Jumlah keseluruhan dana yang diserahkan bernilai RM52, 500.

Beliau berharap dana yang diberikan itu digunakan sebaik mungkin bagi mengGerakkan aktiviti serta perancangan yang telah dibuat untuk kebaikan masyarakat setempat.

Turut hadir Datuk Bandar DBKU Hilmy Othman dan Pengerusi Kejiranan Mesra Kampung Bako Seberang merangkap Pengerusi Program Ahmad Mohammad.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NANCY PUJI PERSATUAN INDIA KUCHING CERIAKAN 62 ORANG MEMERLUKAN SEMPENA DEEPAVALI | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 OKT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**BANTU:** Nancy (tiga kiri) ditemani Anthony (belakang) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Amal Deepavali di Dewan Persatuan India Kuching di Jalan Rock kelmarin.

# Nancy puji Persatuan India Kuching ceriakan 62 orang memerlukan sempena Deepavali

**KUCHING:** Persatuan India Kuching (IAK) dipuji kerana berkongsi cahaya keberkatan sambutan Hari Deepavali tahun ini bersama 62 penerima terdiri daripada golongan kurang berkemampuan di Kuching pada Sabtu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Dato Sri Nancy Shukri berkata, sumbangan yang diberikan pihak IAK bukan sahaja untuk penganutnya sahaja tetapi juga melibatkan bangsa-bangsa lain.

"Pada program ini juga kami percaya IAK bukan sahaja membantu mereka yang amat memerlukan tidak kira bangsa dan agama, ini juga peluang untuk masyarakat India merapatkan silaturahim dengan bangsa lain di Sarawak.

"Jadi kami berharap lebih ramai lagi yang akan menyambut perayaan cahaya Deepavali bersama keluarga mereka yang berada di sekitar tempat ini dan berharap lebih ramai lagi akan tampil membantu," katanya ketika merasmikan Program Amal Deepavali di Dewan Persatuan India Kuching (IAK) di Jalan Rock di sini kelmarin.

Hadir sama Presiden IAK Anthony Ramanair dan Penghulu Kaum India Lucy Lingam.

Program Amal Deepavali berkenaan katanya, merupakan aktiviti tahunan anjuran IAK dan diharap sumbangan berupa beras, gula dan sedikit wang tunai tersebut dapat membantu ahli yang kurang berkemampuan menyambut Deepavali.

Nancy pada masa sama berharap lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia akan tampil memberi sumbangan membantu lebih ramai masyarakat yang memerlukan.

Beliau turut mengingatkan IAK agar membuat permohonan kedua sebelum penghujung tahun ini bagi menyokong usaha memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan di sini.

Sementara itu, Anthony turut mengucapkan penghargaan kepada para penderma sumbangan untuk penganjuran majlis berkenaan tahun ini.